

Rujukan: HSB/001/153(3)



HOSPITAL SULTANAH BAHIYAH
ARAHAN PENTADBIRAN PENGARAH HOSPITAL BIL. 2 TAHUN 2025

PERATURAN DAN PENETAPAN KADAR PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN UNTUK KERAIAN RASMI DAN PENGANJURAN KURSUS DI DALAM KAWASAN IBU PEJABAT

1. TUJUAN

- 1.1. Arahan Pentadbiran Pengarah Hospital (APPH) ini adalah bertujuan bagi menyelaraskan dan memperkemas peraturan dalaman Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) berkaitan penetapan kadar penyediaan makanan dan minuman bagi Keraian Rasmi dan kursus oleh Jabatan/Bahagian/Unit di HSB.
- 1.2. APP ini juga bertujuan memberi panduan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dalam memastikan tatacara kewangan dan perbelanjaan bagi penyediaan makanan dan minuman dapat dilaksanakan secara teratur dan optimum.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada September 2019 telah mengeluarkan Garis Panduan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan bagi menjelaskan mengenai peraturan dan syarat-

syarat bagi perolehan penganjuran majlis/acara rasmi Kerajaan dan jamuan keraian rasmi Kerajaan.

- 2.2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rujukan MOF.NBO(S)600-1/4/1 JLD.14(27) bertarikh 3 September 2024 telah menjelaskan mengenai arahan penyediaan makan dan minum semasa mesyuarat dan majlis rasmi Kerajaan sebagai langkah kawlaan perbelanjaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan terpakai kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam APPH ini, tafsiran berikut hendaklah dipatuhi:

- 3.1.1. "Jabatan" bermaksud Jabatan Kesihatan Negeri Kedah;
- 3.1.2. "Keraian Rasmi" bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/ program rasmi Kementerian/Jabatan/HSB yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan;
- 3.1.3. "Jemputan luar" bermakna wakil Kementerian/Jabatan luar HSB serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;
- 3.1.4. "Jamuan Ringan" bermakna minum pagi atau minum petang;
- 3.1.5. "Mesyuarat" bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan;
- 3.1.6. "Ibu Pejabat" bermakna tempat biasa seseorang pegawai

melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya ialah:

- i. 25 km jika boleh dihubungi oleh jalan raya;
- ii. 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan
- iii. 8 km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal atau sungai.

Dalam konteks HSB, Ibu Pejabat adalah merangkumi fasiliti HSB dan fasiliti Hospital Alor Setar;

- 3.1.7. "Kursus" bermakna sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.

4. KERAIAN RASMI

4.1. Keraian Rasmi boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti/program berikut:

- 4.1.1. Persidangan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan Kementerian;
- 4.1.2. Lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Kerajaan; atau
- 4.1.3. Majlis perasmian/penutupan sesuatu program rasmi peringkat Kementerian.

4.2. Selain itu, Keraian Rasmi juga boleh diadakan semasa mesyuarat berikut:

- 4.2.1. Mesyuarat atau majlis yang dipengerusikan oleh YB Menteri, YB Timbalan Menteri, YB Menteri Besar atau YB Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio kesihatan yang berkaitan dengan urusan rasmi

Kerajaan;

- 4.2.2. Mesyuarat yang melibatkan wakil negara asing; atau
 - 4.2.3. Mesyuarat yang melibatkan jemputan luar dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/Timbangan Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah.
- 4.3. Berdasarkan surat Kementerian Kewangan Kewangan rujukan MOF.DS.600-34/2/1(36) bertarikh 19 Mac 2019, majlis perhimpunan tidak termasuk di bawah tafsiran Keraian Rasmi.
- 4.4. Bagi maksud pelaksanaan **Keraian Rasmi di HSB**, peraturan berikut hendaklah dipatuhi:
- 4.4.1. Majlis/acara rasmi yang dianjurkan hendaklah **melebihi tempoh empat (4) jam**; dan
 - 4.4.2. Majlis/program/mesyuarat yang **kurang daripada lima (5) jam** hanya boleh disediakan jamuan ringan;
 - 4.4.3. Urus setia/penganjur hendaklah memastikan tempahan jamuan (makanan dan minuman) dibuat **berdasarkan bilangan sebenar jemputan** bagi mengelakkan pembaziran. Pindaan ke atas Pesanan Tempatan melalui Nota Kredit/Debit hendaklah dibuat sekiranya pengesahan kehadiran mendapati bilangan sebenar adalah lebih rendah daripada tempahan awal.
- 4.5. Sekiranya terdapat keperluan untuk Jabatan/Bahagian untuk menyediakan sebarang jamuan atau makan dan minum bagi Keraian Rasmi atau selain daripada yang digariskan dalam APPH ini, Jabatan/Bahagian/Unit hendaklah mendapatkan **kelulusan khas daripada Pengarah HSB** dan ianya **tertakluk kepada ketersediaan**

peruntukan.

5. **PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN KURSUS/MESYUARAT DI DALAM KAWASAN IBU PEJABAT ANJURAN JABATAN/BAHAGIAN/UNIT DI HSB**

5.1. Kadar yang digunakan bagi penyediaan makanan dan minuman semasa kursus/mesyuarat dalam kawasan Ibu Pejabat adalah sebanyak **RM11 sehari** mengikut cadangan ketetapan seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1:
Cadangan Kadar Penyediaan Makanan dan Minuman Untuk Penganjuran Kursus/Mesyuarat di Dalam Kawasan Ibu Pejabat

BIL.	JENIS JAMUAN	KADAR SEORANG (RM)
1.	Minum Pagi	4.00
2.	Makan Tengah Hari	7.00
JUMLAH (KADAR SEHARI)		11.00

5.2. Penyediaan makanan dan minuman untuk minum petang adalah **tidak dibenarkan** bagi penganjuran kursus.

5.3. Pemakaian kadar penyediaan makanan dan minuman berjumlah RM11 sehari tersebut hanya terpakai sekiranya peraturan seperti berikut dipatuhi:

- 5.3.1. Tempoh kursus/mesyuarat adalah **melebihi empat (4) jam**; dan
- 5.3.2. Bilangan **minimum** peserta kursus atau ahli mesyuarat adalah seramai 20 orang.

6. TARIKH KUAT KUASA

- 6.1. APPH ini berkuat kuasa mulai **tarikh ia dikeluarkan** dan **membatalkan** Arahan Kewangan HSB Bil. 1/2017 Garis Panduan Mengoptimumkan Belanja Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam Hospital Sultanah Bahiyah bertarikh 30 Mac 2017.



(DR. FAUZIAH BINTI ABDUL WAHAB, SDK.)

No. MPM: 35514

Pengarah

Hospital Sultanah Bahiyah

Alor Setar, Kedah

Tarikh: 6 Februari 2025